



17 APR, 2024

SESB pantau bekalan ke Kg Padawan, Papar


Harian Ekspres (KK), Malaysia




Page 1 of 2



LILIN perlu dinyalakan supaya anak-anak ini dapat membuat kerja rumah kerana lampu siling di rumah mereka terlalu malap.



SEORANG juruteknik SESB menukar 'tapping point' untuk satu rumah di kampung itu ke fasa berbeza pada talian penghantaran berdekatan.



BACAAN voltan diambil sebelum ditukar ke fasa berbeza.

SESB pantau bekalan ke Kg Padawan, Papar

SABAH Electricity Sdn Bhd (SESB) akan memantau bekalan ke sebuah kampung di Papar sementara ia berusaha menaik taraf sistemnya di bahagian daerah ini.

Tindakan ini didorong oleh maklum balas mengenai gangguan bekalan elektrik yang berlaku di Kg Padawan.

Mereka yang tinggal di kampung itu beranggapan bahawa bekalan elektrik tidak mencukupi di kawasan itu kerana peralatan elektrik di rumah mereka tidak dapat beroperasi pada kapasiti maksimum pada waktu malam.

Pengguna yang menghubungi *Hotline* berkata, anak-anaknya terpaksa menggunakan lilin untuk belajar, selepas matahari terbenam, walaupun lampu pendarfluor telah dihidupkan kerana cahayanya tidak terang.

Keluhannya telah dimajukan kepada syarikat itu.

Seorang jurucakap SESB menjelaskan bahawa masalah kuasa ini adalah akibat daripada penurunan voltan. "Kakitangan kami telah memeriksa voltan di kampung itu sejour selepas kami mengetahui tentang apa yang telah berlaku," katanya.

Beliau berkata, kekuatan elektrik di sebuah rumah pada pagi itu adalah kira-kira 205 volt, manakala di rumah lain pula kira-kira 223 volt.

"Juruteknik kami kemudiannya menggunakan tangga untuk mencapai talian penghantaran terdekat dan menukar

'tapping point' untuk beberapa premis ini ke fasa berbeza.

Jurucakap itu berkata ini dilakukan untuk cuba meringankan masalah yang dialami oleh penghuni.

Bacaan baru yang diambil selepas penukaran dibuat, menunjukkan bahawa voltan telah meningkat dengan ketara, menurutnya.

"Kami berhasrat untuk melakukan pemeriksaan pada waktu malam di kampung itu memandangkan pada masa inilah masalah bekalan berlaku.

"Sekiranya masih terdapat sesuatu yang tidak kena dengan voltan maka kami perlu memikirkan penyelesaian yang mungkin untuk diambil."

Beliau berkata SESB berharap dapat menyediakan transformer baharu di Kg Padawan dalam jangka masa panjang bagi menambah baik bekalan ke kampung itu.

"Bagaimanapun, jika kami memutuskan untuk meneruskan rancangan ini, kami hanya boleh mula melaksanakannya, paling awal, menjelang tahun depan.

"Kami telah pun memperuntukkan tapak berpotensi untuk pemasangan ini di sepanjang Jalan Kawakahan.

"Kami perlu mendapatkan tanah ini, serta mengemukakan permohonan izin lalu untuk memasang talian atas baru sebelum kami boleh mula memasang transformer baharu."

RYAN dari Papar berkata peralatan

elektrik di rumahnya tidak berfungsi seperti yang sepatutnya sejak sekian lama. Dia berkata lampu di rumahnya tidak beroperasi pada kecerahan penuh.

"Kadang-kadang, ia terpadam sendiri tanpa ada di antara kami yang mematakannya," katanya.

Katanya, kipas siling di bilik tidurnya tidak berputar pada kelajuan yang sepatutnya.

"Saya akan menghidupkan kipas dan memilih tetapan maksimum, sebelum tidur pada waktu malam.

"Beberapa jam kemudian, saya akan terjaga akibat bahang panas, mendapati kipas berputar perlahan-seolah-olah berada pada tetapan paling rendah.

"Akhir-akhir ini, saya perasan peti sejuk saya mula bergetar. Ia mengeluarkan bunyi yang luar biasa seolah-olah pemampat akan tercabut."

Ryan berkongsi kekecewaannya dengan salah seorang jirannya yang mendakwa peralatan elektrik di rumahnya juga berfungsi secara pelik.

"Rakan saya memberitahu saya bahawa dia telah menelefon Pusat Pengurusan Pelanggan SESB beberapa kali mengenai perkara yang berlaku di Kg Padawan.

"Juruteknik datang ke rumahnya sekali atau dua kali sebagai maklum balas terhadap panggilan ini.

"Setiap kakitangan ini memaklumkan kepadanya bahawa tidak cukup bekalan di

kawasan kamu!"

Ryan berkata kakitangan ini memberi jaminan kepada jirannya bahawa syarikat akan membuat pemeriksaan lanjut sebelum menyelesaikan masalah ini.

"Tahun lepas, kawan saya diberitahu transformer berhampiran kampung itu sudah haus dan mungkin perlu ditukar."

Apabila Ryan berhubung dengan *Hotline*, dia berkata transformer masih belum diganti.

"Keadaan bekalan kuasa secara beransur-ansur menjadi lebih teruk. Sebelum ini, peralatan elektrik kami hanya tidak berfungsi setiap beberapa malam. Sekarang, ini berlaku setiap hari."

Dia berkata masalah bekalan kuasa itu telah merugikan mereka yang tinggal di kampung itu.

"Banyak barangan elektrik kami telah rosak kerana bekalan yang tidak menentu ini."

Ryan berkata kampung itu yang terletak kira-kira 10 kilometer dari Papar terdiri daripada 60 rumah. (SS)